

## SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
Lembaga Tabung Haji  
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,  
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur  
Tel : 03 2054 2132  
Faks : 03 2164 0436  
Email : bkk@lth.gov.my

Tabung Haji Contact Centre  
Tel : 03 6207 1919  
Faks : 03 7728 4959

[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

# TABUNG HAJI ISYTIHAR AGIHAN KEUNTUNGAN SELEPAS ZAKAT 3.05% BAGI TAHUN KEWANGAN 2019

**Kuala Lumpur, 13 MAC 2020** – Lembaga Tabung Haji (**TH**) mengumumkan agihan keuntungan selepas zakat pada kadar 3.05% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. Ia melibatkan agihan berjumlah RM2.1 bilion, iaitu RM1.2 bilion lebih tinggi berbanding RM0.9 bilion bagi tahun kewangan 2018.

Agihan keuntungan yang lebih baik ini didokong oleh prestasi dan kedudukan kewangan yang semakin baik berdasarkan strategi pelaburan yang mampan serta langkah pengurusan kos secara berhemat.

Bagi tahun kewangan 2019, **TH** berjaya menjana pendapatan pelaburan berjumlah RM3.3 bilion, dimana sejumlah RM1.2 bilion telah diperolehi dalam suku keempat. Secara keseluruhan, pendapatan pelaburan yang dijana **TH** adalah lebih stabil dimana pelaburan aset pendapatan tetap menjana 58% pendapatan atau sebanyak RM1.9 bilion manakala pelaburan harta tanah, ekuiti dan instrumen pasaran wang Islam masing-masing menyumbang RM0.5 billion (15%), RM0.5 billion (15%) dan RM0.4 billion (12%).

Perubahan strategi pelaburan **TH** kepada aset pelaburan yang lebih stabil turut berjaya mengurangkan tekanan akibat keadaan pasaran saham yang tidak menentu, antara lainnya, berpunca daripada ketegangan perang dagangan di peringkat global. Pada 31 Disember 2019, kedudukan kewangan **TH** kekal stabil dengan jumlah aset melebihi jumlah liabiliti sebanyak RM2.9 bilion (sebelum agihan keuntungan kepada pendeposit) berdasarkan jumlah aset RM74.3 bilion dan jumlah liabiliti RM71.4 bilion.

Dengan pengurusan kos yang berhemat, **TH** telah berjaya mencatat keuntungan selepas zakat bagi tahun kewangan 2019 berjumlah RM1.9 bilion, iaitu peningkatan 19% atau RM0.3 bilion berbanding RM1.6 bilion bagi tahun kewangan lalu.

Peningkatan keuntungan selepas zakat ini dicapai setelah **TH** mengambil kira (i) RM86 juta bagi pembayaran zakat kepada majlis agama Islam negeri-negeri di Malaysia dan (ii) RM370 juta bagi mengurus dan menyediakan pelbagai kemudahan kepada semua jemaah haji Malaysia serta mengekalkan kadar

bayaran haji pada RM9,980 (berbanding kos sebenar RM22,900) bagi setiap jemaah haji Muassasah yang menunaikan haji buat kali pertama pada musim haji 1440 hijrah yang lalu.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff berkata, agihan keuntungan yang diisyihar **TH** adalah lebih keuntungan pelaburan setelah mengambil kira perbelanjaan dan bantuan kos haji, bayaran zakat dan kos pengurusan. Oleh yang demikian, pendeposit **TH** bukan sahaja mendapat manfaat pulangan keuntungan ke atas simpanan mereka, malah turut menyumbang secara langsung dalam membantu jemaah haji Malaysia menunaikan rukun islam ke-5 dan golongan asnaf dalam menjaga kebajikan mereka. **TH** membayar zakat bagi pihak pendeposit dan oleh yang demikian pendeposit tidak perlu lagi membayar zakat ke atas wang simpanan dan agihan keuntungan yang diterimanya.

Melangkah ke depan, **TH** akan terus berusaha untuk menambah manfaat ke atas simpanan pendeposit di **TH** setelah peralihan kepada kontrak simpanan Wakalah dengan memperkenalkan pelbagai tambah nilai yang lain, disamping terus memastikan prestasi pelaburan yang mampan.

Agihan keuntungan bagi tahun kewangan 2019 dikira berdasarkan purata baki simpanan terendah bulanan pendeposit. Para pendeposit boleh menyemak pengkreditan agihan keuntungan bermula 16 Mac 2020 menerusi (i) kaunter-kaunter **TH**, Bank Islam dan Bank Rakyat, (ii) di ATM Bank Islam, Bank Rakyat, Maybank dan CIMB, atau (iii) secara atas talian di laman sesawang [www.thijari.com.my](http://www.thijari.com.my) dan portal internet Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Tabung Haji (THCC) di talian 03-6207 1919.

**Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan  
Lembaga Tabung Haji**

**-TAMAT-**